



**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)
DI MAJLIS HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT KOLEJ
UNIVERSITI INSANIAH**

**PADA : 26 NOVEMBER 2016
TEMPAT : KOMPLEKS SUKAN, KUIN.**

UCAPAN & PERASMIAN



26/11/16

KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH

BISMILLAH AR-RAHMAN AR-RAHIM

ALHAMDULILLAH RABBIL 'ALAMIN, WASSOLA TU WASSALAM 'ALA
SAYYIDIL MURSALIN, WA 'ALA AALIHI WASAHBIHI AJMAI'N

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

Yang Berusaha:

1. ~~Prof. Madya Dr. Abdullah bin Osman, Pemangku Timbalan Rektor Hal
Ehwal Akademik & Penyelidikan.~~
2. Tn. Hj. Bukhari bin Abdullah, Timbalan Rektor Pengurusan, Kewangan &
Hal Ehwal Pelajar.
3. Tn. Hj. Abdullah bin Hashim, Pendaftar
4. En. Mohd Zamri bin Shahdan, Bendahari

Kakitangan Akademik & Pentadbiran.

Seterusnya mahasiswa-mahasiswi Kolej Universiti INSANIAH yang dirahmati
Allah.

1. Alhamdulillah, pertama dan selamanya, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas segala rahmatNya yang membolehkan kita semua berkumpul pada pagi ini bagi menjayakan sambutan Hari Sukan Negara, peringkat Kolej Universiti INSANIAH 2016.
2. KUIN menyokong penuh amanat yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia agar Hari Sukan Negara ini disambut setiap tahun pada bulan Oktober.
3. Sambutan Hari Sukan Negara ini merupakan suatu inisiatif Kementerian Belia dan Sukan di mana ia adalah satu langkah pro aktif di dalam proses transformasi ke arah mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Bersukan' (Sporting Nation). Hari Sukan Negara juga merupakan agenda nasional yang selari dengan matlamat negara ke arah Wawasan 2020.
4. Pepatah Arab ada menyatakan bahawa:

العقلُ السَّليْمُ في الجِسمِ السَّليْمِ

"Akal Yang Sihat Berada Dalam Tubuh Yang Sihat"

5. Oleh itu, kita menyahut penuh seruan Kerajaan ini dan mengambil langkah yang serius dalam usaha untuk membentuk warga KUIN yang kekal cergas, sihat, dan produktif, demi memacu transformasi ke arah sebuah Universiti penuh, sepertimana yang telah dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Tuanku Canselor.
6. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah di atas komitmen seluruh warga KUIN yang bersama pada hari ini menjayakan sambutan Hari Sukan Negara peringkat KUIN 2016.

7. Sebelum mengakhiri ucapan, saya juga menyeru agar segala kemudahan sukan yang telah dibina di Kampus ini dapat digunakan sebaik mungkin dan diharapkan mampu untuk memberi manfaat sebaiknya kepada semua warga KUIN. Insya Allah, semoga lebih banyak aktiviti sukan dan rekreasi akan dapat diadakan selepas ini, dalam usaha untuk membudayakan sukan serta membina perpaduan di kalangan warga KUIN.

8. Dengan lafaz BISMILLAH AR-RAHMAN AR-RAHIM, saya dengan ini merasmikan sambutan **HARI SUKAN NEGARA, PERINGKAT KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH 2016.**

Sekian, WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH.

WASSALAMUALAIKUM WBT